

Rabu, 2 September 2015

1. Benarkan SPRM, PAC siasat DEIG

Azmin terus didesak agar telus dalam pentadbiran

SHAH ALAM 1 Sept. - Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali didesak supaya membenarkan Jawat-ankuasa Kira-Kira Awam (PAC) Selangor dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan bagi meneliti kemungkinan wujudnya amalan penyalahgunaan kuasa dalam pemindahan aset Perbadanan Menteri Besar (MBI) kepada Darul Ehsan Investment Group (DEIG) bernilai kira-kira RM30 bilion.

Gesaan itu dinyatakan oleh Setiausaha Penyelaras Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor, Budiman Mohd. Zohdi susulan daripada persoalan yang timbul di sebalik pemindahan aset terbabit yang didakwa Mohamed Azmin sebelum ini bahawa DEIG akan menanggung sepenuhnya risiko pelaburan yang dibuat oleh syarikat terbabit, bukannya MBI atau kerajaan negeri.

"Kenyataan Menteri Besar itu adalah tidak munasabah sama sekali memandangkan DEIG adalah di bawah MBI dari segi pemilikan serta sumber kewangan. Sebagai pemilik penuh DEIG, MBI akan memastikan setiap pelaburan yang dibuat oleh anak syarikatnya itu haruslah mendatangkan pulangan.

"Justeru, risiko pelaburan yang dibuat oleh DEIG sudah tentunya akan ditanggung secara langsung oleh MBI selaku pemilik modal. Mengapa pula Menteri Besar sebaliknya menyatakan risiko itu ditanggung sepenuhnya oleh DEIG?" soalnya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Selain itu, Budiman turut mempertikaikan ketelusan Mohamed Azmin selaku pemegang amanah dari segi undang-undang ke atas setiap aset negeri dengan membenarkan pemindahan aset RM30 bilion milik MBI kepada DEIG untuk menjalankan perniagaan tanpa mendapat kelulusan daripada Dewan Undangan Negeri (DUN) terlebih dahulu.

Tindakan sedemikian katanya, seolah-olah Mohamed Azmin tidak meletakkan kepentingan rakyat sebagai perkara yang utama dalam membuat keputusan berkenaan sedangkan penubuhan MBI itu adalah tertakluk di bawah Enakmen Menteri Besar Selangor.

"Kita juga difahamkan DEIG telah beroperasi di sebuah premis dan para pegawai kanannya telah pun dilantik. Malah DEIG dilapor telah pun mengumumkan akan terlibat dengan projek pembangunan bernilai RM10 bilion. Jika benar, bilakah sebenarnya projek itu diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri?

"Justeru, kita gesa supaya PAC Selangor, SPRM, Jabatan Audit Negara dan Jabatan Peguam Negara membuat siasatan mengenai perkara ini. Pada masa sama, Mohamed Azmin perlu memberikan kerjasama dengan membenarkan kesemua jawatankuasa berkenaan termasuk agensi-agensi yang terlibat menjalankan siasatan secara terperinci," tegasnya.

Dalam pada itu, selain PAC dan agensi-agensi yang terlibat, Budiman turut menggesa Lembaga Zakat Selangor (LZS) membuat penelitian terhadap pengagihan wang zakat berjumlah RM5 juta oleh DEIG yang didakwa disalurkan kepada cabang-cabang PKR sebagaimana yang dilaporkan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Angkatan Rakyat Sedar (Aras) kepada pihak berkuasa pada 31 julai lalu.

"Jika Menteri Besar sebelum ini berkali-kali menegaskan bahawa DEIG masih belum beroperasi, mengapa syarikat ini dilapor membuat agihan zakat berjumlah RM5 juta? Masalah pengagihan itu difahamkan dibuat tanpa merujuk kepada LZS," ujarnya.



Khamis, 3 September 2015

2. Usaha tingkatkan profesionalisme Suruhanjaya perkhidmatan berasingan diwujudkan

PUTRAJAYA 2 Sept. - Kerajaan akan memperkuatkannya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan mewujudkan sebuah suruhanjaya perkhidmatan berasingan dalam usaha meningkatkan keupayaan serta profesionalisme kesemua anggota dan pegawainya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Seng Kuan berkata, satu jawatankuasa khas telah dibentuk dan dalam masa sama turut memaklumkan syor itu akan dibentangkan di Dewan Rakyat kerana membabitkan pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Selain SPRM beliau berkata, kerajaan juga akan mengukuhkan lagi kedudukan Jabatan Audit Negara dengan memberikan lebih kuasa serta skop audit yang lebih luas kepada jabatan itu.

"Bukan itu sahaja, jabatan juga bertanggungjawab melaporkan kepada jawatankuasa khas di Parlimen yang dianggotai oleh pihak kerajaan dan pembangkang.

"Inilah antara bukti komitmen kerajaan untuk mempertahankan kebebasan institusi-institusi awam di negara ini terutama SPRM dan Jabatan Audit Negara," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Antirasuah Antarabangsa (IACC) ke-16 di Pusat Konvensyen Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Transparency International (TI), Jose Ugaz; Presiden TI Malaysia, Datuk Akhbar Satar; Pengerusi Majlis IACC, Akere Muna dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Mustafar Ali.

Persidangan selama tiga hari bertemakan 'Mengakhiri Kesan Buruk: Rakyat, Integriti dan Tindakan' itu dianjurkan SPRM, Majlis Penasihat IACC, TI dan TI Malaysia.

Dalam perkembangan berkaitan, Paul Low berikrar mempertahankan SPRM daripada campur tangan mana-mana pihak khususnya yang cuba mengganggu siasatan serta tugasan suruhanjaya tersebut.

"Ini adalah janji saya. Saya tidak akan benarkan mana-mana pihak mengganggu SPRM. Biarkan SPRM melakukan tugas mereka tanpa rasa takut dan memilih," katanya.

Seperkara lagi beliau berkata, tugas mempertahankan kewibawaan serta kredibiliti SPRM bukan terletak di bahunya serta kerajaan semata-mata bahkan tanggungjawab tersebut harus dipikul oleh semua rakyat negara ini.

"Jika berlaku campur tangan, rakyat juga harus bersuara dan ini semua bertujuan mempertahankan kebebasan SPRM dalam menjalankan tugas-tugas mereka," katanya.

Dalam ucapannya itu, Paul Low turut menyentuh keperluan parti-parti politik di negara ini memaklumkan sumber dana yang diperoleh melalui satu peraturan yang akan diwujudkan kelak.

Untuk itu, katanya, kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik bagi tujuan tersebut.



Khamis, 8 September 2015

3. Yakin siasatan 1MDB dilengkapkan hujung tahun ini

KUALA LUMPUR 7 Sept. - Jabatan Audit Negara optimis dapat melengkapkan siasatan terhadap akaun 1Malaysia Development Berhad (1MDB) menjelang hujung tahun ini, di sebalik pelbagai isu yang timbul.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang turut yakin laporan siasatan itu juga dijangka dapat disiapkan secepat mungkin dan lebih awal sebelum hujung tahun ini.

Katanya, Jabatan Audit Negara kini dalam proses untuk meneliti segala dokumen daripada 1MDB yang telah diperoleh walaupun pada awalnya terdapat kesulitan untuk mendapatkan bukti siasatan.

"Setakat ini, siasatan berjalan lancar dengan segala kerjasama yang diberikan oleh kedua-dua pihak, jadi kami yakin ia mampu disiapkan pada hujung tahun ini ataupun lebih awal lagi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menjadi ahli panel bagi sesi yang membincangkan tentang topik Perubahan Landskap Tadbir Urus di Malaysia pada Persidangan Tadbir Urus, Risiko dan Kawalan 2015 di sini hari ini.

Sesi tersebut yang dikendalikan Presiden Institut Pengaudit Dalaman Malaysia (IIA), Datuk Shabaruddin Ibrahim turut disertai Pengerusi Kumpulan Perangsang Selangor, Raja Datuk Idris Raja Kamarudin dan Pengerusi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Tan Sri Dr. Abdul Samad Alias.

Persidangan berkenaan dianjurkan oleh IIA dan dihadiri oleh 800 juruaudit daripada pelbagai organisasi awam dan swasta dari seluruh negara bagi membincangkan mengenai hala tuju juruaudit dalaman dan tadbir urus serta kawalan risiko.

Pada 4 Mac, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengarahkan Ketua Audit Negara untuk mengesahkan secara bebas akaun-akaun 1MDB.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri, laporan Ketua Audit Negara akan diserahkan untuk pemeriksaan telus kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) yang bersifat bipartisan sepenuhnya dan mencerminkan komposisi Parlimen.

Dalam pada itu, Ambrin enggan mengulas mengenai SRC International Sdn. Bhd. memandangkan ia kini di bawah siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



Jumaat, 11 September 2015

4. Tiada asas tuduh ahli PAC jual maklumat ke WSJ

KUALA LUMPUR 10 Sept. - Tuduhan Editor Malaysia Today, Raja Petra Kamarudin mengenai penglibatan ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) yang menjual maklumat mengenai 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) kepada Wall Street Journal (WSJ) disifatkan sebagai tidak berdasar.

Bekas Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, Raja Petra tidak mempunyai bukti mengenai perkara itu.

Beliau yang kini Timbalan Menteri Dalam Negeri berkata, UMNO sendiri tidak mempunyai asas untuk menyiasat penglibatan ahli-ahli PAC dalam kalangan parti itu yang menjual maklumat kepada WSJ.

"Jangan dilayan tuduhan Raja Petra ini. UMNO pun tidak ada asas untuk menyiasat tohmahan blog atau portal itu tanpa bukti," katanya kepada Utusan Malaysia menerusi aplikasi WhatsApp di sini hari ini.

Raja Petra menerusi portal beritanya, Malaysia Today mengeluarkan pendapat yang mendakwa WSJ menerbitkan berita baharu berdasarkan maklumat daripada PAC.

Beliau mendakwa, seseorang daripada PAC menjual maklumat tersebut kepada WSJ dan memperoleh wang daripadanya.

Kata Raja Petra, walaupun suspek utama adalah Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua, akaun-akaun bank ahli PAC termasuk yang kini menyertai Kabinet perlu disiasat.

"Sehubungan itu, Pua tidak boleh dituduh melakukan perkara itu (membocorkan maklumat) secara berseorangan. Mungkin terdapat lebih daripada seorang yang terlibat dalam perkara ini dan mungkin daripada UMNO," ujar Raja Petra dalam portalnya.



Jumaat, 11 September 2015

5. Siasat akaun bank ahli PAC

KUALA LUMPUR 10 Sept. - Jaringan Melayu Malaysia (JMM) hari ini membuat laporan polis untuk menggesa pihak berkuasa menyiasat semua akaun bank milik Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Ketua Setiausaha JMM, Hamdan Mohd. Salleh berkata, pihaknya mengesyaki kebocoran maklumat sulit 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) berpunca daripada ahli PAC sendiri.

"Saya berasa hairan dan pelik bagaimana The Wall Street Journal (WSJ) boleh mengetahui dokumen sulit 1MDB yang sepatutnya hanya diketahui oleh Ahli PAC sahaja.

"Semua akaun peribadi mereka harus disiasat secara terperinci kerana berkemungkinan dokumen sulit berkenaan telah dijual kepada WSJ," katanya ketika ditemui di Ibu Pejabat Polis Dang Wangi di sini.

Menurut Hamdan, perhatian khusus kepada aliran keluar masuk transaksi akaun bank peribadi atas nama mereka perlu dilakukan dengan segera bagi menyelesaikan masalah pecah amanah itu.

Katanya, tindakan menjual dokumen bertujuan untuk menggulingkan kerajaan tersebut disifatkan sebagai tidak berperikemanusiaan dan harus ditangani untuk mengelakkan perpecahan dalam kalangan masyarakat.

"Tindakan menjual dokumen sulit ini adalah penyumbang kepada campur tangan kuasa asing yang mahu mencatur politik jahat dan merosakkan imej pemimpin negara," katanya.

Selasa, 15 September 2015

6. Hampir 400 cerun berisiko dikenalpasti

KUALA LUMPUR 14 Sept. - Kementerian Kerja Raya mengenal pasti sebanyak hampir 400 cerun di jalan Persekutuan di seluruh negara yang berisiko berlakunya kejadian tanah runtuh serta banjir.

Menterinya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, Sabah, Sarawak, Kelantan, Perak, Pahang dan Terengganu merupakan antara negeri tertinggi berisiko menghadapi masalah itu.

Beliau berkata, pihaknya telah melakukan penambahaikan segera buat sementara waktu untuk mengelakkan kejadian lebih buruk sebelum mencari jalan penyelesaian mengatasi sepenuhnya masalah tersebut.

"Sabah merupakan negeri tertinggi (cerun berisiko) disebabkan mempunyai banyak kawasan tanah tinggi, malah kawasan pergunungan di Gunung Kinabalu juga masih 'bergerak' beberapa sentimeter pada setiap tahun.

"Oleh itu, kementerian bersama kerajaan negeri akan mengambil langkah secukupnya bagi menangani sebarang kemungkinan yang akan berlaku pada masa akan datang," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Cerun Antarabangsa Malaysia (ICS 2015), di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Zohari Akob; Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya, Datuk Ir. Adanan Mohamed Hussain dan Pengerusi ICS 2015, Datuk Dr. Ir. Ashaari Mohamad.

Fadillah berkata, pihaknya telah memohon peruntukan sebanyak RM383.6 juta untuk pembangunan jalan raya dan cerun di seluruh negara untuk tahun 2015 hingga 2017.

Katanya, bagi tahun 2015 sahaja, sebanyak RM173 juta telah diperuntukkan untuk projek jalan raya manakala sebanyak RM40 juta untuk penambahaikan kawasan cerun.

"Projek ini merupakan langkah pemberian sementara yang dilaksanakan kerajaan bagi memastikan keruntuhan atau hakisan besar serta banjir besar tidak berlaku," jelasnya.

Isnin, 21 September 2015

7. Tony membisu kebocoran maklumat PAC

KUALA LUMPUR 20 Sept. - 1Malaysia Development Berhad (1MDB) hari ini menempelak Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua yang masih membisu berhubung isu kebocoran maklumat oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengenai siasatan 1MDB serta pelanggaran prosedur Parlimen yang berlaku.

Menurut 1MDB dalam satu kenyataan hari ini, dakwaan Wall Street Journal (WSJ) kononnya telah mengkaji dokumen yang merupakan sebahagian daripada siasatan 1MDB oleh PAC adalah satu isu yang serius berikutan Tony merupakan sebahagian daripada anggota PAC.

"Tony mendakwa tanggungjawabnya adalah menegakkan akauntabiliti dan ketelusan, namun di sebalik menjadi seorang anggota PAC, beliau hanya membisu dalam hal (kebocoran maklumat) ini.

"Untuk mengelak daripada menjadi hipokrit sepenuhnya, Tony sepatutnya menuntut satu siasatan menyeluruh terhadap kebocoran tersebut serta prosedur Parlimen yang sepatutnya diambil," kata kenyataan berkennaan.

Jelas kenyataan itu, 1MDB sentiasa berpegang kepada hujah-hujah yang kukuh namun Tony sebagaimana dalam satu kenyataan hari ini tetap mengitar semula serangan WSJ yang tidak bersandarkan kepada bukti kukuh.

"Tony sekali lagi menggunakan modus operandi sama dalam perkara berkaitan dengan 1MDB. Langkah pertama: Menunggu dakwaan sensasi yang tidak berasas dibuat, sebaik-baiknya oleh akhbar asing.

"Kemudian, tanpa malu menumpang sama spekulasi itu dengan bertanya soalan-soalan yang sama. Secara jelas, apabila fakta dan jawapan diberikan, Tony terbukti salah, namun dia tidak menghirau fakta, mengubah topik, membuat kenyataan beremosi dan kemudiannya menunggu dengan senyap untuk satu lagi dakwaan sensasi yang tidak berasas," kata kenyataan itu.

Sabtu, 26 September 2015

8. 1MDB akan terus beri maklum bals kepada Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 26 Sept. - 1Malaysia Development Bhd (1MDB) berkata, ia komited untuk terus menyediakan maklum balas kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi membantu bekas Perdana Menteri itu mengingati kembali jawapan berdasarkan fakta yang diberikan sebelum ini.

1MDB berkata, Dr. Mahathir "terus mengguna dan mengitar semula dakwaan basi dan tidak terbukti yang telah dibuktikan salah berulang kali."

"Sebagai contoh, sebelum ini Tun Dr. Mahathir mendakwa sejumlah RM42 bilion lesap daripada 1MDB. Sekarang beliau mendakwa lebih RM20 bilion tidak dapat dikesan atau diambil kira.

"Untuk kebaikan Tun Dr. Mahathir, satu pecahan menyeluruh akan bagaimana 1MDB menggunakan hutang RM42 bilion itu - berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit syarikat - boleh dilihat menerusi <http://1mdb.com.my/press-release/rm42-billion-all-accounted-for>," kata syarikat itu dalam satu kenyataan hari ini.

Kenyataan itu dikeluarkan 1MDB susulan catatan berkaitan 1MDB oleh bekas pemimpin politik berkenaan yang dipaparkan menerusi laman blog beliau pada 25 September.

"Berhubung tanah 1MDB, dengan mudahnya Tun Dr. Mahathir lupa bahawa 1MDB dimiliki 100 peratus oleh kerajaan Malaysia, justeru sebarang peningkatan nilai akan memberi manfaat secara langsung hanya kepada kerajaan.

"Selain memetik sebut harga tanah yang jauh lebih rendah pada RM3,000 satu kaki persegi sekarang (berbanding RM7,000 sekaki persegi dalam dakwaan beliau sebelum ini), Tun Dr. Mahathir lupa untuk mengakui bahawa 1MDB telah membuat komitmen sebanyak RM3 bilion bagi pembangunan infrastruktur di TRX.

"Ini menyamai sekitar RM1,500 perbelanjaan infrastruktur untuk satu kaki persegi, dibayar oleh 1MDB dan seterusnya diperoleh semula menerusi penjualan tanah," kata 1MDB. - BERNAMA

Isnin, 28 September 2015

9. SPRM nafi tidak siasat DEIG

KUALA LUMPUR 27 Sept. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengambil tindakan proaktif untuk menemubual beberapa saksi serta mengambil dokumen berkaitan sebaik sahaja isu penubuhan Darul Ehsan Investment Group (DEIG) dilaporkan media pada 19 Ogos lalu.

Pengarah SPRM Selangor, Datuk Simi Abdul Ghani berkata, setakat ini, SPRM tidak menemui sebarang kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dan tidak bercadang mengambil tindakan selanjutnya.

"Bagaimanapun, sekiranya terdapat maklumat baharu yang mempunyai asas di bawah kesalahan Akta SPRM 2009, pihak SPRM bersedia mengambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mingguan Malaysia hari ini menerusi ruangan Awang Selamat membantkitkan persoalan mengapa SPRM belum menyiasat isu pemindahan aset kerajaan PKR Selangor sebanyak RM30 bilion kepada DEIG, di bawah pimpinan Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali.

Hal itu dibantkitkan kerana ada tanggapan SPRM kurang berani menyiasat pemimpin pembangkang berbanding pemimpin kerajaan.

Simi menafikan tanggapan mana-mana pihak yang pihaknya tidak mengambil sebarang tindakan terhadap kes berkenaan.

Sementara itu, berhubung isu zakat yang dikaitkan dengan DEIG, Simi berkata, SPRM telah menjalankan siasatan sejak Julai lalu dan masih berterusan sehingga kini.

Beberapa portal media sebelum ini mendakwa kerajaan negeri menerusi DEIG mengagihkan bantuan zakat RM5 juta tanpa melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Isnin, 28 September 2015

10. Kos perubatan naik mulai 2016

Nilai ringgit jatuh, pengaruhi hospital swasta

MELAKA 27 Sept. - Kejatuhan nilai ringgit berkemungkinan menyebabkan kos ubat dan peralatan bagi rawatan kesihatan di hospital swasta meningkat menjelang awal tahun depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, kesan kejatuhan nilai ringgit itu bagaimanapun tidak berlaku dalam masa terdekat kerana masih terdapat bekalan ubat sedia ada yang telah dibeli dengan harga lama.

Jelas beliau, walaupun harga ubat generik akan naik, tetapi kadarnya tidak begitu tinggi kerana pembuatannya adalah di kilang-kilang dalam negara.

"Selain itu, peralatan pun ada isu juga, perkara ini adalah sesuatu yang di luar kawalan kita kerana kemerosotan nilai ringgit ini.

"Tetapi kenaikan itu adalah untuk sektor swasta, di sektor kerajaan kos akan naik untuk kerajaan bukan untuk pesakit tetapi kesan yang mungkin berlaku adalah pesakit di sektor swasta akan berpindah ke sektor awam, itu kemungkinan yang akan berlaku dan kita perlu bersedia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis Makan Malam Tahunan ke-33 Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) di Bandar Hilir di sini malam tadi.

Dalam perkembangan lain, Subramaniam berkata, sistem kesihatan di negara ini akan mengalami beberapa aspek transformasi termasuk pengukuhan sistem perkhidmatan primer kesihatan, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta memperkasakan pengguna dalam menentukan taraf kesihatan mereka.

Katanya, pengukuhan sistem perkhidmatan primer akan membawa manfaat kepada negara dan pesakit terutama pengurangan kos penyampaian perkhidmatan secara keseluruhan serta mengurangkan kesesakan di hospital.

Kata Subramaniam, penggunaan ICT dalam perkhidmatan kesihatan adalah selaras dengan pembangunan teknologi maklumat sedia ada.

"Perkhidmatan kesihatan akan menjalankan satu integrasi melalui sistem teknologi maklumat dan integrasi ini akan menyumbang kepada kecekapan yang lebih tinggi kepada penyampaian," katanya.

Selasa, 29 September 2015

11. ACWA tidak dipelawa 1MDB

KUALA LUMPUR 28 Sept. - ACWA Power yang berpangkalan di Arab Saudi mengesahkan syarikat itu tidak dijemput oleh 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) untuk membuat sebarang tawaran akhir serta tidak termasuk sebagai pembida yang disenarai pendek.

"ACWA Power sememangnya berminat untuk membida stesen janakuasa milik 1MDB tetapi kami mengesahkan tidak dijemput oleh 1MDB untuk mengemukakan tawaran akhir, atau sejauh yang kami tahu, berada dalam senarai pendek pembida," kata ACWA Power dalam kenyataan hari ini.

Laporan media baru-baru ini menyatakan 1MDB telah menyenarai pendek pembida, termasuk ACWA Power bagi mengemukakan tawaran akhir untuk stesen janakuasanya.

ACWA Power dan Nebras Power dikatakan antara pembida untuk aset tenaga yang dijual oleh 1MDB.

Menurut laporan Bloomberg, syarikat Arab Saudi dan Qatar itu telah disenarai pendek bagi penjualan stesen janakuasa berkenaan bersama-sama syarikat Hong Kong, CGN Meiya Power Holdings Co.

"ACWA Power akan membida bersama Tenaga Nasional Negeri (TNB) bagi aset tersebut yang bernilai hampir AS\$2 bilion (RM8.85 bilion)," katanya.

ACWA Power adalah pemaju, pelabur, pemilik bersama dan pengendali satu portfolio janakuasa dan kilang penghasilan air yang dinyahgaram. Syarikat itu kini beroperasi di 12 negara di Asia Barat, Afrika Utara, Selatan Afrika dan Asia Tenggara.

Portfolio ACWA Power dengan pelaburan bernilai lebih AS\$26 bilion (RM114.8 bilion) boleh menjana 16.9 gigawatt tenaga dan menghasilkan 2.5 juta meter padu air yang dinyahgaram sehari.

Utusan Malaysia minggu lalu, melaporkan, ACWA Power dan Pihak Berkuasa Pelaburan Qatar dikatakan berada di hadapan dalam senarai empat pembida, bersama satu lagi entiti asing dan juga firma tenaga tunggal dari Malaysia, TNB dan keputusan itu dijangka diumumkan secara rasmi selewat-lewatnya awal Oktober ini iaitu minggu depan.

Sumber bagaimanapun melahirkan kebimbangan keputusan menjual kepada entiti asing boleh memberi implikasi sebaliknya terhadap 1MDB yang kini bergelumang dengan pelbagai kontroversi dan persepsi. Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), Piarapakaran S. turut meminta Suruhanjaya Tenaga (ST) campur tangan sekiranya 1MDB telah menyenarai pendek aset strategiknya untuk dijual kepada firma luar negara.

Katanya, ST perlu tegas dalam isu pengambilalihan sepenuhnya 13 aset Edra Global Energy Berhad (Edra), anak syarikat milik 1MDB itu terutama dasar kerajaan yang menetapkan sebarang penjualan ekuiti kepada syarikat luar negara hanya boleh dimiliki paling maksimum ialah 49 peratus.

"Perkara itu amat penting kerana perubahan terhadap dasar berkenaan akan membuka peluang kepada syarikat tenaga lain di negara ini menjual aset mereka sepenuhnya kepada firma luar negara sekali gus memberi impak negatif dari segi bekalan keselamatan tenaga negara pada masa depan," katanya.



Selasa, 29 September 2015

12. Lebih banyak hospital kerajaan bakal ada tempat letak kereta bertenagakat

KANGAR 28 Sept. - Lebih banyak tempat letak kenderaan termasuk yang bertenagakat akan dibina di hospital kerajaan di seluruh negara pada masa depan bagi mengatasi masalah kesesakan yang semakin meruncing.

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Chen Chaw Min berkata, bangunan bertenagakat itu yang bakal dibina oleh syarikat swasta juga akan mempunyai lot-lot kedai serta hotel untuk kemudahan orang ramai.

Menurutnya, konsep pembinaan tempat letak kenderaan oleh pihak swasta itu terbukti berjaya mengatasi masalah kesesakan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru.

"Kita akan perluaskan konsep ini di negeri-negeri lain yang mengalami masalah tempat letak kenderaan seperti di Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak.

"Menerusi konsep ini, pengguna dikehendaki membuat bayaran tetapi perkhidmatan kepada rakyat dapat ditingkatkan," katanya dalam sidang akbar selepas menghadiri majlis penyerahan blok wad bertenagakat dan Jabatan Bekalan Steril Berpusat (CSSD) Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Ir. Adanan Mohamed Hussain dan Pengarah HTF, Datuk Dr. Ahmad Nordin Mohd. Jais.

Blok bangunan baharu setinggi tujuh tingkat itu diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan menelan kos sebanyak RM193 juta termasuk RM20 juta bagi peralatan.

Dalam pada itu, Chaw Min memberitahu, bangunan baharu tersebut yang akan mula beroperasi pada Januari tahun hadapan diharap dapat meningkatkan lagi tahap perkhidmatan kesihatan kepada seluruh penduduk negeri ini.

Katanya, apatah lagi pada masa ini, HTF yang mempunyai 408 katil mengalami kesesakan dengan kadar bilangan pesakit mencecah sebanyak 85 peratus setiap hari.

"Kemudahan disediakan adalah wad obstetrik dan ginekologi, pediatrik, wad bersalin, farmasi dan wad diraja," ujar beliau.

Mengenai perkembangan wabak anjing gila di negeri ini, Chaw Min berkata, sebanyak 17 kes manusia digigit anjing direkodkan dan kesemua mangsa telah diberi vaksin.

Katanya, kesemua mangsa juga dilaporkan bebas daripada wabak berkenaan dan sehingga kini vaksin rabies adalah mencukupi.